

**Beri peluang PKS
tembusi pasaran
antarabangsa
melalui inovasi**

**Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2025 (LIMA '25), yang dijadualkan berlangsung dari 20 hingga 24 Mei ini, memberi penekanan kepada pemerksaan syarikat tempatan.

Menurut Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Tunku Abaidah, pameran tersebut perlu memberi tumpuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) agar dapat menembusi pasaran an-

tarabangsa melalui inovasi.

"LIMA juga akan memangkin pertumbuhan ekonomi dengan menarik pelaburan langsung asing dan merancakkan sektor pelancongan serta perdagangan luar negara," katanya menerusi Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri, di sini pada Isnin.

Tambahnya, penganjuran LIMA '25 mencerminkan komitmen Malaysia untuk terus memperkukuh kedudukan negara sebagai hab teknologi maritim dan aeroangkasa di peringkat serantau dan global.

"LIMA '25 bukan sekadar pameran aset dan teknologi, tetapi medan strategik untuk membina kerjasama antara

kerajaan, industri, dan institusi pendidikan dengan menghimpunkan pemain utama dalam sektor pertahanan dan penerbangan komersial.

"Ini termasuk dalam bidang penyenggaraan, pembaikan, dan pengubahsuaian (MRO), internet pelbagai benda (IoT), satelit dan teknologi angkasa," jelasnya.

Penganjuran LIMA '25 kali ini memasuki edisi ke-17 bertemakan "Innovate Today, Thrive Tomorrow".

Pameran itu turut me-



ANWAR

ngetengahkan kepentingan pemain industri untuk terus berinovasi dan meningkatkan daya saing seiring perkembangan teknologi yang pesat.

Dalam pada itu, Anwar turut memaklumkan bahawa beliau dijadual mengadakan lawatan rasmi ke Rusia selama empat hari bermula Selasa atas undangan Presiden Rusia, Vladimir Putin.

Lawatan tersebut merangkumi kunjungan ke Moscow dan Kazan, Tatarstan.

Semasa di Rusia, Anwar

akan menghadiri Forum Ekonomi Antarabangsa Ke-16 atas jemputan Rais Republik Tatarstan, Rustam Minnikhanov.

Di Moscow, beliau dijadual berucap di Moscow State Institute of International Relations University (MGIMO), mengadakan perjumpaan dengan ahli perniagaan Rusia, dan bertemu dengan diaspora Malaysia.

Sementara itu, di Kazan, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan semasa sesi plenari KazanForum pada 16 Mei, disusuli ucapan di Mesyuarat Strategic Vision Group, serta mengadakan pertemuan dengan Rustam Minnikhanov.

PM arah LIMA'25 fokus perkasa syarikat tempatan